

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 JUN 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia mampu jadi hab bioekonomi	Berita Harian
2.	Malaysia di landasan tepat wujudkan hab bioekonomi di Asia Pasifik	BERNAMA
3.	Tiga alat pengesan gempa bumi 'pergerakan kecil' ditambah di Sabah - Meteorologi	BERNAMA
4.	Tambah 3 lagi alat pengesan gegaran gempa bumi	Harian Metro
5.	Kemungkinan gempa lebih besar tipis	Utusan Malaysia
6.	Seismic zones to be mapped	New Straits Times
7.	'Mount Kinabalu may be lower now'	New Straits Times
8.	Ketinggian Gunung Kinabalu susut	Berita Harian
9.	Gempa bumi: Hormati tradisi penduduk tempatan	The Rakyat Post
10.	Amaran angin kencang dan laut bergelora	BERNAMA
11.	MyIPO sasar sehingga 7,800 permohonan harta intelek tahun ini	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B2
TARIKH: 10 JUN 2015 (RABU)

Malaysia mampu jadi hab bioekonomi

Malaysia berada di landasan tepat bagi mewujudkan hab bioekonomi di Asia Pasifik menjelang tahun 2020 menerusi pelbagai inisiatif **Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp)** di bawah Dasar Bioteknologi Negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata antara inisiatif itu termasuk menjalin persepakatan strategik dengan syarikat asing serta memacu usahawanan global menerusi pelan tindakan seperti Program Transformasi Bioekonomi (BTP) di bawah Dasar Bioteknologi Negara berkenaan.

"Pada tahun lalu, kami dipelawa Kesatuan Eropah (EU) untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem itu. Ini, bagi saya, akan menjadi pembangunan penting untuk kita kerana membolehkan syarikat Eropah mengintai pembangunan dan bioekonomi Malaysia.

Panduan kepada firma EU

"Ia juga mampu memberi panduan kepada firma EU sekiranya mereka mahu melabur di Asia," katanya kepada media selepas acara pertukaran cadangan kerjasama antara BiotechCorp dan Persatuan Pembangunan Bioteknologi Itali, Assobiotec, di Milan, semalam.

Assobiotec diwakili Pengarah Urusannya, Leonardo Vigiani dan acara itu disaksikan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.**

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Wong Lai Sum serta Ketua Pelaburan di Lombardy, Stefano Nigro.



Malaysia Di Landasan Tepat Wujudkan Hab Bioekonomi Di Asia Pasifik

Daripada Siti Radziah Hamzah

MILAN, 9 Jun (Bernama) -- Malaysia berada di landasan tepat bagi mewujudkan hab bioekonomi di Asia Pasifik menjelang 2020 menerusi pelbagai inisiatif [Malaysian Biotechnology Corp \(BiotechCorp\)](#) di bawah Dasar Bioteknologi Negara.

[Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal](#), berkata antara inisiatif itu termasuk menjalin persepakatan strategik dengan syarikat asing serta memacu keusahawanan global menerusi pelan tindakan seperti Program Transformasi Bioekonomi (BTP) di bawah Dasar Bioteknologi Negara berkenaan.

"Pada tahun lepas, kami dipelawa Kesatuan Eropah (EU) untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem itu. Ini, bagi saya, akan menjadi pembangunan signifikan untuk kita kerana membolehkan syarikat Eropah mengintai pembangunan dan bioekonomi Malaysia.

"Ia juga mampu memberi panduan kepada firma-firma EU sekiranya mereka mahu melabur di Asia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas acara pertukaran cadangan kerjasama antara BiotechCorp dan Persatuan Pembangunan Bioteknologi Itali, Assobiotec, di sini, Selasa.

Assobiotec diwakili Pengarah Urusannya, Leonardo Vigiani dan acara itu disaksikan [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin](#).

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Wong Lai Sum serta Ketua Pelaburan di Lombardy, Stefano Nigro.

Assobiotec mewakili syarikat serta taman sains dan teknologi yang beroperasi di Itali selain turut terbabit dalam beberapa sektor sains hidupan.

Pertukaran cadangan kolaborasi itu adalah sebahagian acara Hari Rakan Kongsi Bioekonomi Malaysia bersempena 'Expo Milano 2015' - satu pameran yang menarik penyertaan 140 negara, termasuk Malaysia.

Mohd Nazlee menyifatkan persepakatan antara BiotechCorp dan Assobiotec dapat memberi peluang kepada Malaysia serta Itali berkongsi amalan terbaik, pembangunan inovasi serta meningkatkan pembangunan modal insan bagi industri berasaskan bio serta masyarakat penyelidik di Malaysia mahupun di Itali.

"Ini adalah misi perdagangan dan pelaburan pertama kita di Eropah dan berharap ia membuka peluang lebih besar di EU, khususnya antara Malaysia dan Itali.

"Malah, persepakatan ini diharapkan akan disusuli dengan lebih banyak pelaburan antara Malaysia dan Itali dalam tempoh lima tahun lagi," katanya.

Bagi tempoh empat bulan pertama 2015, perdagangan dengan EU berkembang sebanyak 2.2 peratus kepada RM46.91 bilion berbanding tempoh sama, tahun lepas.

Itali adalah negara ketiga di Eropah yang menyaksikan jalinan kerjasama strategik BiotechCorp, selepas Belgium dan Jerman.

"Kita berharap dapat menjalin satu atau dua kolaborasi di Itali pada mesyuarat September dan diikuti dengan lebih banyak usaha seumpamanya menjelang akhir tahun," katanya.

Mohd Nazlee turut berkongsi harapan BiotechCorp yang menyasarkan untuk bekerjasama dengan Perancis dan United Kingdom dalam usaha mengukuhkan lagi industri berasaskan bio.

Setakat Mac 2015, BTP menyaksikan sejumlah 33 Projek Pemacu yang diunjur menjana pendapatan negara kasar berjumlah RM5 bilion pada 2020, menyediakan 19,855 peluang pekerjaan serta meraih pelaburan kumulatif sebanyak RM16 bilion menjelang 2020.

Hari Rakan Kongsi Bioekonomi itu disasarkan untuk menarik pelaburan langsung asing dalam bioteknologi daripada syarikat Eropah serta mengetengahkan inisiatif bioteknologi Malaysia kepada para penggiat bidang itu di Eropah.

Antara program diadakan termasuk mesyuarat padanan perniagaan serta sesi jalinan dengan dewan perniagaan dan pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan.

-- BERNAMA



Tiga Alat Pengesan Gempa Bumi 'Pergerakan Kecil' Ditambah Di Sabah - Meteorologi

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Tiga lagi alat pengesan gegaran gempa bumi jenis pergerakan kecil telah ditambah di Sabah yang dijangka akan mula beroperasi menjelang September.

Pengarah Pusat Gempa dan Tsunami Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), Dr Wan Azli Wan Hassan berkata tiga kawasan yang terlibat dalam pemasangan alat pengesan gegaran gempa bumi itu adalah Ranau, Semporna dan Lembah Danum.

"Sebelum ini, hanya enam buah alat pengesan gegaran gempa bumi yang beroperasi di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Kudat, Beluran, Tawau dan Lahad Datu," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Katanya setakat ini sebanyak 17 alat pengesan gempa bumi sedang beroperasi di seluruh negara dan tambahan 20 alat itu sedang dalam proses pemasangan.

Katanya daripada jumlah 20 alat pengesan gegaran gempa bumi yang sedang dipasang, lapan daripadanya merupakan jenis 'pergerakan kecil' manakala 12 lagi jenis 'pergerakan kuat'.

"Alat jenis 'pergerakan kecil' ini mampu mengesan ombak seismik gempa bumi yang berlaku di seluruh dunia, misalnya alat yang dipasang di Semenanjung boleh mengesan ombak seismik di Sabah.

"Pergerakan kuat hanya mampu mengesan gegaran dan pergerakan tanah dan tidak mampu untuk mengesan ombak seismi," katanya.

Dr Wan Azli menjelaskan bahawa kedua-dua jenis alat pengesan gegaran itu mampu menghantar data pergerakan tanah dan ombak seismik dalam masa tidak kurang 10 minit sebaik sahaja berlakunya gempa bumi ke pusat pengumpulan maklumat yang beroperasi di Petaling Jaya dan Kota Kinabalu.

"Mengikut SOP, dalam masa 10 minit alat itu akan mengeluarkan laporan awal kepada pusat selepas kejadian gempa dan kami akan menerima data itu bagi mengesan kawasan yang mengalami gempa bumi ataupun Tsunami serta kekuatan skala richternya," katanya.

Beliau berkata kos keseluruhan bagi penambahan sebanyak 20 alat pengesan itu bernilai hampir RM9 juta.

Dr Wan Azli berkata buat masa sekarang masih tiada lagi alat berteknologi tinggi yang secara tepat mampu mengesan tanda-tanda awal kejadian gempa bumi.

"Namun, kami mempunyai alat untuk mengeluarkan amaran awal Tsunami," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Mineral dan Geosains Mior Sallehuddin Mior Jadid berkata pihaknya telah bekerjasama dengan agensi geologi di Indonesia bagi mendapatkan bantuan kepakaran berhubung kejadian gempa bumi.

Jelasnya kerjasama dengan pakar negara jiran itu dilaksanakan bagi mendapatkan bantuan maklumat dari Indonesia, negara yang sudah biasa menghadapi kejadian gempa bumi sebelum ini.

Beliau berkata Jabatan Mineral dan Geosains juga bercadang untuk melaksanakan kajian berterusan mengenai gempa bumi yang bukan sahaja tertumpu kepada kawasan Sabah malah turut melibatkan Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

"Kami memang sudah ada cadangan untuk mengadakan kajian sesar aktif dan risiko gempa bumi sebelum ini. Ia bukan hanya melibatkan kawasan Ranau malah Lahad Datu serta di beberapa kawasan Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

"Ia merupakan kajian jangka panjang tapi buat masa sekarang ini kami masih menilai dahulu keadaan di Gunung Kinabalu kerana apabila berlaku gempa bumi, terdapat banyak luncuran tanah dan batuan yang runtuh," katanya yang memaklumkan dua pakar dari Jabatan Mineral dan Geosains dihantar ke Sabah untuk mengkaji keadaan di Gunung Kinabalu itu.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 10 JUN 2015 (RABU)

Tambah 3 lagi alat pengesan gegaran gempa bumi

Kuala Lumpur: Tiga lagi alat pengesan gegaran gempa bumi jenis pergerakan kecil sudah ditambah di Sabah yang dijangka mula beroperasi menjelang September.

Pengarah Pusat Gempa dan Tsunami Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), Dr Wan Azli Wan Hassan berkata tiga kawasan yang terbabit dalam pemasangan alat pengesan gegaran gempa bumi itu adalah Ranau, Semporna dan Lembah Danum.

"Sebelum ini, hanya enam alat pengesan gegaran gempa bumi yang beroperasi di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Kudat, Beluran, Tawau dan Lahad Datu," katanya kepada

pemberita di lobi Parlimen semalam.

Katanya, setakat ini 17 alat pengesan gempa bumi sedang beroperasi di seluruh negara dan tambahan 20 alat itu sedang dalam proses pemasangan.

Katanya, daripada jumlah 20 alat pengesan gegaran gempa bumi yang sedang dipasang, lapan daripadanya adalah jenis 'pergerakan kecil' manakala 12 lagi jenis 'pergerakan kuat'.

"Alat jenis 'pergerakan kecil' ini mampu mengesan ombak seismik gempa bumi yang berlaku di seluruh dunia, misalnya alat yang dipasang di Semenanjung boleh mengesan ombak seismik di Sabah," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 10 JUN 2015 (RABU)

Kemungkinan gempa lebih besar tipis

RANAU 9 Jun - Kemungkinan berlaku gempa bumi lebih besar dalam waktu terdekat di negeri ini atau daerah Ranau adalah tipis.

Malah jelas Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Felix Tongkul, gempa bumi susulan sebanyak 55 kali selepas bencana alam pertama itu pada Jumaat lalu bukan sesuatu yang luar biasa.

Menurutnya, hal ini adalah kerana selepas gempa bumi besar terjadi, tenaga atau tekanan

yang terkumpul dalam bumi (yang memakan masa puluhan tahun) dilepaskan melalui sesar aktif.

“Kejadian gempa susulan adalah proses untuk melepaskan sisa-sisa tekanan semasa kerak bumi mengalami pengubahsuaian.

“Oleh itu, tekanan yang tersimpan akan dikurangkan dan gempa susulan akan berterusan beberapa hari atau minggu sehingga semua tekanan yang terkumpul dilepas-

kan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kelmarin, 55 kali gempa susulan direkodkan oleh **Jabatan Meteorologi** tidak termasuk gegaran kecil-kecilan.

Tambah Felix, satu jangka masa panjang diperlukan untuk mengumpul kembali tekanan yang telah dilepaskan.

“Oleh itu kemungkinan gempa bumi besar dalam waktu terdekat adalah tipis,” katanya.

Seismic zones to be mapped

PRECAUTION: Dept will analyse Mount Kinabalu, surrounding areas

**NURADZIMMAH DAIM
AND KOI KYE LEE**
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Minerals and Geosciences Department will carry out seismic analysis to map dangerous zones on Mount Kinabalu and its surrounding areas.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, in winding up the debate on the Sabah earthquake at the Dewan Rakyat yesterday, said three more seismometers would be installed in Ranau, Semporna and Lembah Danum.

"We will acquire more assets for rescue efforts, including helicopters, which were decided after the floods (last year).

"Even with an early warning system, even though the **Meteorological Department** can forecast tremors, we can't predict the specific date of a quake."

Shahidan extended the government's appreciation to those who helped in the rescue efforts.

On a suggestion by Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) that a committee comprising earthquake experts be set up,

he said the matter would be discussed by the National Security Council at the state level.

Shahidan also suggested that those below 18 years be prohibited from climbing Mount Kinabalu and called for stringent standard operating procedures on mountain climbing.

"The *Malim Gunung* (mountain guides) should be awarded and appreciated by acknowledging them also as mountain rangers. Their skills and knowledge of the mountain's trails had helped stranded climbers."

Tiong King Sing (BN-Bintulu) said proactive measures must be

taken to improve preparedness should an earthquake occur again.

"The government should also invest in bigger helicopters that can withstand harsh weather," he said.

Other suggestions from the House included training rescue personnel on the mountain so that they have a better understanding of its conditions and landscape, as well as increasing mountain guides' salaries to a minimum of RM3,000.

Meanwhile, Mineral and Geosciences Department deputy director-general Meor Sallehuddin Mior Jadid said the department would seek assistance from experts in Indonesia in carrying out seismic analysis on Mount Kinabalu.

"We are lacking in expertise so it is best to engage countries like Indonesia, which has experts."



**AT THE
DEWAN
RAKYAT
YESTERDAY**

'Mount Kinabalu may be lower now'

AFTERMATH EFFECT:

Likely as epicentre of quake near the peak, says geologist

RANAU

THERE is a strong possibility that Mount Kinabalu is now a few centimetres lower following the earthquake that hit on May 30.

Professor Dr Felix Tongkul, a geologist with Universiti Malaysia Sabah, said it was a likely possibility, given the effects of the earthquake, which measured 5.9 on the Richter scale.

"We will not know for sure though until it is measured again," he said.

At its last measure, Mount Kinabalu stood at 4,095.2m. It is understood to be the third highest peak in Southeast Asia, after Mount Hkakabo Razi in Myanmar and Puncak Jaya in Indonesia, which stand at 5,881m and 4,884m, respectively.

Felix said the epicentre of Friday's quake was near the peak of Mount Kinabalu, while its source, also known as the focus, was located 10km below.

"It caused massive landslides, which explained the falling boulders and rubble from near the summit, between the now-damaged Donkey's Ears peak and Tunku Abdul Rahman peak."



Felix said there was no technology available in the world to predict earthquakes, but there were seismic systems or equipment that could help understand it better and allow for better preparedness.

At the Mount Kinabalu National Park yesterday, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said discussions were being held on the need to obtain the latest technology on seismic sensors, among others, as a follow-up to the earthquake.

Najib reiterated that there was no technology to predict earthquakes, but the state needed to look into acquiring whatever technology was available.

Najib was in Sabah for a briefing on the earthquake and the devastation it had brought.

Felix, who also attended the briefing led by State Secretary Tan Sri Sukarti Wakiman, stressed that the earthquake was not linked to volcanism and gave his assurance that Mount Kinabalu would not erupt.



Universiti Malaysia Sabah geologist **Professor Dr Felix Tongkul** says tremors in Ranau will happen on a regular basis, approximately every 25 years

"Volcanism is only possible in Tawau and Semporna, where an explosion occurred several hundred years ago."

As of Sunday, the Meteorological Department had recorded 33 aftershocks following the earthquake.

"Strong tremors here will happen on a regular basis, approximately every 25 years, whenever the stored energy exceeds the earth's ability," he said.

The first 3.3 Richter scale earthquake in the region was recorded in 1966, followed with a magnitude 5.2 earthquake in 1991.

In 1976, an earthquake also struck Lahad Datu.

EXCLUSIVE

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)



Ketinggian Gunung Kinabalu susut

» Analisis awal dapati gempa berlaku akibat proses regangan dalam tanah

► Kota Kinabalu

Bahagian barat laut Gunung Kinabalu yang menghadap daerah Kota Belud dipercayai mengalami penurunan beberapa sentimeter berikutan gempa bumi berskala 5.9 pada skala Richter, Jumaat lalu.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Felix Tongkul, berkata analisis awal gelombang seismik mendapati gempa bumi itu berlaku disebabkan proses regangan dalam tanah oleh sesar turun.

Beliau berkata, sesar turun menganjur di permukaan ber-

hampiran lokasi runtuhan besar di Laban Rata pada ketinggian 3,272 meter dari paras laut dan dipercayai antara punca satu daripada menara batu 'Donkey's Ears' di puncak Kinabalu patah.

"Sesar di Gunung Kinabalu ketika gempa bumi Jumaat lalu menunjukkan pergerakan satah timur laut-barat daya dan turun ke arah barat laut.

"Akibat sesar itu, ketinggian Gunung Kinabalu di barat laut dijangka berkurangan beberapa sentimeter," katanya kepada BH.

Beliau berkata, pergerakan berskala 5.9 hingga 6.0 pada skala Richter itu berpusat di bahagian gunung menghadap daerah Kota Belud iaitu pada kedalaman kira-kira 10 kilometer di perut bumi.

Beberapa sesar kecil terbentuk

Selain sesar utama, katanya, beberapa sesar kecil turut terbentuk berhampiran satah



sesar utama di Gunung Kinabalu, menyebabkan pergerakan tambahan yang menghasilkan gempa susulan.

"Gempa susulan bersaiz kecil seperti yang direkodkan Jabatan Meteorologi selepas gempa bumi sederhana pada jam 7.15 pagi, Jumaat lalu terus berlaku sehingga pergerakan sesar terhenti sepenuhnya dan dijangka berterusan sepanjang minggu ini," katanya.

Beliau yang juga Felo Aka-

demis Sains Malaysia (ASM) berkata, pusat gempa susulan boleh berlaku di lokasi berbeza berikutan pergerakan dalam bumi yang menjalar dari satu sesar kecil ke sesar kecil yang lain dengan lebih 50 gergaran susulan dilaporkan sehingga semalam.

"Itu sebabnya laporan Jabatan Meteorologi menyebut ada pusat gempa di luar daerah Ranau seperti di Kota Belud, Tuaran, Papar dan Tambunan.

"Bagaimanapun, ia hanya laporan awal dan mungkin ada yang tidak tepat.

"Dari segi kekuatan gempa susulan, kita meramalkan magnitudnya tidak mencecah atau melebihi kekuatan gempa bumi yang direkodkan Jumaat lalu," katanya.

Dalam kejadian gempa bumi Jumaat lalu, runtutan besar batuan di puncak Gunung Kinabalu dilaporkan berlaku berhampiran stesen Laban Rata menyebabkan kira-kira 190 orang, termasuk 137 pendaki terperangkap di puncak tertinggi Asia Tenggara itu.

Runtutan itu menyebabkan 18 mangsa maut, selain menimbus sebahagian besar laluan ke puncak gunung dan merosakkan kemudahan seperti pondok dan rumah penginapan selain mengubah landskap gunung berkenaan.

The Rakyat Post™

PUBLISHED: Jun 9, 2015 05:22pm

UPDATED: Jun 9, 2015 05:24pm

Gempa bumi: Hormati tradisi penduduk tempatan



Ahli geologi, Profesor Dr Felix Tongkul berkata gempa bumi tidak akan berlaku di Sabah sekurang-kurangnya untuk tempoh dua dekad akan datang. - Foto TRP/Sandra Sokial

KOTA KINABALU, 9 Jun:

Profesor Dr Felix Tongkul merupakan ahli geologi namun percaya dengan tradisi masyarakat Sabah.

Terkilan dengan tindakan pendaki Erpah yang bertelanjang di puncak Gunung Kinabalu, beliau percaya bahawa akan kemarahan 'roh-roh di gunung' berkenaan.

"Sebagai rakyat Sabah, saya berkongsi pandangan dengan penduduk tempatan bahawa Gunung Kinabalu adalah tempat suci.

"Dan apabila anda berkelakuan tidak baik, terutama di tempat yang suci, sesuatu yang buruk pasti akan berlaku.

“Sudah tentu, secara saintifik, saya tidak boleh mengatakannya tetapi kepercayaan dan agama adalah diluar jangkaan. Ia adalah tradisi kita yang sentiasa perlu dihormati,” katanya kepada *The Rakyat Post*.

Tongkul berkata walaupun beliau sudah biasa masuk ke dalam ceruk hutan dan berada di atas puncak tertinggi gunung, namun beliau sangat berpegang dengan petua dan nasihat orang tua-tua.

“Apabila rasa hendak ‘buang’, mana kita hendak cari tandas di dalam hutan. Jadi, seperti yang dinasihatkan ibu bapa saya, saya akan sentiasa meminta kebenaran roh sebelum melakukan apa-apa.

“Ramai yang menganggap ia karut tetapi tradisilah yang membentuk siapa kita pada hari ini dan orang lain yang cuba memperlekehkan budaya kita, tidak layak dihormati,” katanya.



ukisan grafik untuk menunjukkan pergerakan tanah yang menyebabkan gempa bumi yang meragut 16 nyawa berikutan kejadian gempa bumi di Gunung Kinabalu. Bagaimana pun dua warga Australia masih belum didedahkan. – Foto ihsan Profesor Dr Felix Tongkul.

Dalam perkembangan yang lebih serius, Tongkul memberi jaminan bahawa Sabah kini berada dalam keadaan selamat dari gempa bumi, sekurang-kurangnya untuk dua dekad akan datang.

“Tetapi itu berdasarkan kepada sejarah,” kata pensyarah Universiti Malaysia Sabah, yang menyifatkan Gunung Kinabalu sebagai “gunung muda”.

Beliau berkata gempa bumi bermagnitud 5.9 seperti baru-baru ini akan mengambil masa yang lama untuk berlaku kembali.

Tongkul memberi jaminan bahawa bencana buruk itu telah berlalu, dan gempa susulan dijangka tamat dalam masa atau tiga minggu akan datang.

“Gempa bumi itu terletak di sepanjang garis aktif yang merentasi Ranau dan Gunung Kinabalu di arah barat laut-tenggara dan gempa bumi berlaku kira-kira setiap 25 tahun,” jelasnya.

Beliau berkata kali terakhir ia berlaku adalah pada 1991 dengan gegaran 5.4 magnitud yang melanda Ranau dan gempa susulan reda secara perlahan-lahan reda dalam beberapa hari.

Gempa bumi pada Jumaat lalu meragut 16 nyawa pendaki gunung dan pembantu pendaki serta dua lagi mangsa yang masih belum didedahkan.

Menurut data daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia**, terdapat lebih 50 gempa susulan setakat ini yang telah dikategorikan sebagai ‘lemah’.

“Tetapi data gempa bumi di sini selama ini lemah dan kami hanya boleh membuat kajian dengan apa yang kita ada,” kata Tongkul.

Read more: <http://bm.therakyatpost.com/berita/2015/06/09/gempa-bumi-hormati-tradisi-penduduk-tempatan/#ixzz3ccXKmEn8>



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Ribut petir yang berlaku di perairan Negeri Sembilan, Melaka, Johor Barat, Kuching, Rejang, Mukah, Bintulu dan Miri dijangka berterusan sehingga awal petang ini.

Begitu juga dengan keadaan di perairan Selat Melaka Selatan, Tioman dan Reef South.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter serta berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA



MyIPO Sasar Sehingga 7,800 Permohonan Harta Intelek Tahun Ini



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah (tiga kiri) ketika gimik perasmian Persidangan Global IP Valuation 2015 hari ini. Turut hadir, Pengerusi MyIPO Datuk Abdul Manan Ismail (tiga kanan), Ketua Setiausaha KPDNKK Datuk Seri Alias Ahmad (dua kiri), Ketua Pengarah MyIPO Shamsiah Kamaruddin (dua kanan), Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan) Datuk Zaidon Asmuni (kanan) dan wakil Intellectual Ventures USA, Edward Jung (kiri). Foto: Hafizie Shabudin

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) (MyIPO) menasaskan untuk menerima antara 7,400 dan 7,800 permohonan harta intelek (IP) Malaysia pada tahun ini.

Ketua Pengarahnya Shamsiah Kamaruddin berkata sehingga Mei tahun ini, MyIPO menerima 7,232 permohonan IP dan sebanyak 87,656 sejak 2010.

"Permohonan IP yang terdiri daripada paten, cap dagangan dan reka bentuk, kebanyakannya daripada sektor kimia, kejuruteraan dan telekomunikasi," katanya kepada pemberita pada Persidangan Penilaian IP Global di sini hari ini.

Beliau berkata MyIPO bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, SME Corp, [SIRIM](#) dan agensi berkaitan yang lain untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai IP.

MyIPO turut menggalakkan penglibatan perusahaan kecil dan sederhana yang mempunyai IP.

Shamsiah berkata selain PKS mungkin tidak mempunyai banyak aset tetap sebagai cagaran kepada institusi kewangan, mereka mempunyai IP untuk tujuan tersebut.

Beliau berkata penglibatan [Malaysian Debt Ventures](#) juga penting berikutan ia mempunyai skim yang membolehkan PKS menerima pinjaman, tertakluk kepada penilaian nilai IP oleh MyIPO.

Mengenai kerjasama-makro IP, beliau berkata ia merupakan pengiktirafan kepada Malaysia dalam kumpulan kerja ASEAN bagi kerjasama IP.

Dari segi pembangunan dan kesedaran IP, Shamsiah berkata antara 10 negara ASEAN, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Singapura.

Bagaimanapun, katanya negara merupakan yang pertama dalam ASEAN memperkenalkan IP sebagai sebahagian daripada cagaran untuk pembiayaan dan menganjurkan program latihan untuk penilai IP tempatan.

Selain melaksanakan pasaran IP, katanya langkah itu sebagai platform untuk IP diniagakan di rantau ini dan di peringkat global.

-- BERNAMA